



KENYATAAN MEDIA

TIGA TAPAK DI MALAYSIA DIKTIRAF SEBAGAI ASEAN HERITAGE PARK

Malaysia terus memperkukuhkan usaha dan komitmen dalam pemuliharaan biodiversiti di peringkat serantau dengan pengiktirafan tiga (3) kawasan perlindungan sebagai ASEAN Heritage Parks (AHP) iaitu Rezab Hidupan Liar Tengku Hassanah di Pahang serta Taman Negara Bako dan Taman Negara Bukit Lambir di Sarawak.

Keputusan yang bermakna ini telah dicapai secara sebulat suara semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Alam Sekitar ke-18 (AMME-18) di Langkawi yang dipengerusikan oleh Menteri Perlindungan dan Komoditi Memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Johari Abdul Ghani pada 3 September 2025. Mesyuarat turut mengiktiraf tiga (3) tapak baharu di Vietnam iaitu Xuan Thuy National Park, Pu Mat National Park dan Dong Nai Culture and Nature Reserve.

Pengiktirafan yang diterima oleh Malaysia ini menambah bilangan ul kawasan AHP sedia ada di negara ini iaitu Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak; Taman Negara Kinabalu, Sabah; Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu) pada tahun 1984; serta Taman Negara Johor Endau Rompin pada 2022.

AHP merupakan inisiatif ASEAN yang menekankan pemuliharaan biodiversiti, ekosistem unik dan khazanah alam sekitar rantau ini. Dengan pengiktirafan ini, Malaysia bukan sahaja mengukuhkan usaha konservasi di peringkat nasional, malah memperkukuh kerjasama serantau dalam aspek teknikal, penyelidikan, serta perkongsian amalan terbaik. Pengiktirafan ini juga menyokong Tindakan 8.5, Sasaran 8, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022–2030, iaitu

memperkasakan usaha mendapatkan pengiktirafan kawasan berkepentingan antarabangsa bagi pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) selaku *national focal point* kepada program AHP merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan Pahang dan Sarawak di atas kejayaan ini. Kejayaan ini menunjukkan usaha kolaboratif semua pihak khususnya pihak berkuasa kawasan perlindungan yang berkaitan iaitu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan Sarawak Forestry Corporation (SFC). Pencapaian ini amat bermakna bersempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, sekaligus menyerlahkan kepimpinan Malaysia untuk terus menerajui agenda biodiversiti serantau.

NRES menyambut baik sebarang usaha yang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pada masa akan datang untuk mencalonkan kawasan-kawasan yang berpotensi sebagai tapak AHP atau tapak-tapak berkepentingan biodiversiti antarabangsa seperti Ramsar, Man and the Biosphere (MAB) dan East Asian-Australasian Flyway Partnership (EAAFP).

Dengan pengiktirafan ini, Malaysia yakin ia akan meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa, memperkukuh kerjasama ASEAN dalam bidang biodiversiti dan memastikan warisan alam semula jadi terus dilindungi untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
5 SEPTEMBER 2025

